

03 MAY 1999

Mahathir-Muhammad

MT UMNO TIDAK BUAT KEPUTUSAN MENGENAI KEDUDUKAN MUHAMMAD

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno tidak membuat sebarang keputusan mengenai kedudukan Naib Presiden Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib yang telah dibebaskan daripada tuduhan gagal mengisytiharkan harta.

"Perkara itu tidak ada keputusan dibuat," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menjawab soalan pada persidangan berita selepas mesyuarat MT Umno di sini malam ini.

Ditanya lebih lanjut sama ada ia bermakna Muhammad masih bercuti daripada tugas-tugas Naib Presiden parti, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata: "ya, begitulah."

MT Umno telah mengarahkan Muhammad bercuti daripada jawatan Naib Presiden parti pada 14 April 1997 setelah beliau dituduh gagal mengisytiharkan mata wang asing berjumlah RM2.4 juta di Australia.

Berikutan arahan itu, Muhammad meletak jawatan sebagai Menteri Besar Selangor dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Bagaimanapun, Muhammad yang menghadapi tuduhan mengikut Akta Laporan Transaksi Kewangan 1988 negara itu dibebaskan oleh Mahkamah Daerah Brisbane pada 28 Mei tahun lepas.

Namun pada 10 Jun tahun lepas, Muhammad dihadapkan ke Mahkamah Tinggi di sini atas tuduhan gagal mengisytiharkan harta miliknya dan keluarga mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961.

Beliau bagaimanapun didapati tidak bersalah atas tuduhan itu pada 29 Dis lepas.

Pendakwa Raya bagaimanapun menfailkan satu notis rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi itu pada 5 Jan lepas tetapi pada 10 April lepas, Jabatan Peguam Negara memutuskan untuk tidak meneruskan kes rayuan itu.

--BERNAMA

AFY WAT